



NOTA PERCAKAPAN
YB MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN & INDUSTRI
SIDANG MEDIA BERKENAAN TARIF AS
7 APRIL 2025

Assalamualaikum wbt dan Salam Malaysia MADANI, dan Selamat Hari Raya. Terima kasih – rakan-rakan media yang sudi hadir di Sidang Media Khas mengenai Tarif AS ini.

1. Pertama sekali, saya ingin tekankan bahawa **Malaysia bertekad untuk menjadi rakan dagang yang boleh dipercayai**. Malaysia **sentiasa bersikap terbuka kepada perdagangan dan pelaburan**. Kami **komited kepada kesemua rakan dagang utama, termasuk AS dan China**.
2. **Kedua, Kerajaan menafikan dakwaan bahawa Malaysia telah mengenakan tarif 47% ke atas import AS ke Malaysia**. Malaysia langsung tidak bersetuju dengan asas pengiraan tarif ini dan sedang mendapatkan penjelasan mengenai pengiraan tersebut. Asas pengiraan kurang tepat ini telah mengakibatkan Malaysia dikenakan tarif timbal balas pada kadar 24%.

3. **Ketiga, Malaysia komited sepenuhnya untuk mencapai solusi yang akan mengekalkan akses pasaran, menarik pelaburan asing yang berterusan, dan menyokong kesejahteraan pekerja dan perniagaan Malaysia. Sehubungan itu, buat masa ini, Malaysia tidak akan mengambil sebarang tindakan timbal balas.**
4. **Keempat, Kerajaan telahpun umumkan bahawa pertumbuhan KDNK 2025 sebanyak 4.5 -5.5% akan dikaji semula. Ini akan berdasarkan laporan penilaian impak yang lebih menyeluruh. Buat masa ini, Kerajaan menjangkakan pertumbuhan ekonomi akan berterusan. Pebelanjaan isi rumah kita berdaya tahan; pelaburan domestik negara kukuh; hasil pelancongan kukuh, dan pelan-pelan induk negara sedang dilaksanakan. InsyaAllah, asas ekonomi kita yang kukuh serta ketersediaan Kerajaan akan membolehkan kita mengharungi cabaran ini dengan kekuatan.**
5. Seterusnya, izinkan saya berkongsi mengenai **langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh Kerajaan, dan MITI, dalam menangani impak tarif ini.**
6. **Langkah pertama, Pusat Tindakan Geoekonomi Nasional (NGCC) yang dipengerusikan oleh YAB PM sendiri telahpun diaktifkan.** MITI sedang membuat kajian impak kepada sektor-sektor eksport utama ke AS, dan NGCC akan mempertimbangkan dapatan dari kajian tersebut semasa mesyuarat seterusnya dalam masa terdekat.

7. **Langkah yang kedua**, MITI sendiri akan membangunkan **satu pasukan petugas / Task Force** bagi mengumpul maklumbalas dari semua pihak berkepentingan. Ini untuk memastikan eksport dan pelaburan Malaysia tidak terkesan teruk akibat tindakan unilateral AS. Esok MITI akan berjumpa dengan wakil **badan-badan industri dan persatuan pengeksport**. MITI juga akan terlibat dengan **Kementerian dan agensi-agensi berkaitan seperti Kementerian Kewangan, Kementerian Ekonomi, BNM, MIDA, MATRADE, DOSM** dan sebagainya. MITI akan mengambil pendekatan menyeluruh dalam **mempertimbangkan pelbagai pilihan yang ada**.
8. **Ketiga**, di peringkat ASEAN, Menteri-Menteri Ekonomi akan bermesyuarat khas pada 10 April ini yang akan **dipengerusikan oleh saya sendiri**. Kita akan membincangkan implikasi tarif AS ke atas aliran perdagangan dan pelaburan serantau; kestabilan makroekonomi; dan respons bersepadu ASEAN. Selepas itu, Pemimpin-Pemimpin ASEAN akan bertemu untuk membincangkan hala tuju ASEAN, bagi menangani dan mengurangkan potensi gangguan kepada perdagangan serantau, rangkaian rantaian bekalan, dan aliran pelaburan ke rantau ini.
9. **Keempat**, penglibatan strategik peringkat tinggi dengan AS akan diteruskan. **Perjanjian Rangka Kerja Perdagangan & Pelaburan Malaysia-AS (TIFA)** akan dimanfaatkan. MITI juga akan mempertimbangkan untuk mengadakan **perjanjian perlindungan teknologi**, untuk melindungi eksport semikonduktor & aeroangkasa Malaysia.

Pengecualian sektor akan dirundingkan. Pagi ini, saya bertemu dengan Duta Besar AS dan rundingan seterusnya akan dibuat.

10. **Langkah kelima** adalah dari segi pasaran eksport kita sendiri. Sejak beberapa tahun yang lalu, **MATRADE** sudahpun mula **mempelbagaikan dan meluaskan pasaran eksport Malaysia**. Ini termasuk **pasaran Timur Tengah** (juga melalui MIHAS), **Afrika dan Amerika Selatan**.
11. Selain itu, **MITI akan meningkatkan penggunaan kesemua Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA)**. Usaha lain berkenaan FTA termasuk:
 - a. **Menandatangani Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif (CEPA) dengan UAE** (14 Jan 2025) – bertujuan untuk meningkatkan perdagangan dan pelaburan dua hala, dengan unjuran peningkatan 60% dalam volum perdagangan dalam tempoh lima tahun. In merupakan FTA pertama antara Malaysia dan negara anggota Majlis Kerjasama Teluk (GCC).
 - b. **Penyambungan semula rundingan FTA bersama Kesatuan Eropah (EU)**.
 - c. **Rundingan FTA dengan Korea Selatan**.
 - d. **Menaik taraf Perjanjian Perdagangan Barangan ASEAN (ATIGA)** semasa tahun Kepengerusian Malaysia ASEAN, dan pelbagai perjanjian FTA lain di tahap ASEAN, termasuk dengan China dan India.
 - e. **Rundingan Malaysia-European Free Trade Association (EFTA - Iceland, Liechtenstein, Norway dan Switzerland) Economic Partnership Agreement**.

12. Seterusnya, kita perlu berterus terang – **impak langsung cabaran ini adalah dari segi pertumbuhan KDNK Malaysia pada tahun ini, dan mungkin tahun-tahun akan datang.** Sebagai salah satu rakan dagangan terbesar AS di ASEAN, dan juga salah satu destinasi utama pelaburan asing dari AS, **pelaksanaan tarif pasti akan memberi kesan jangka pertengahan hingga jangka panjang.**
13. **Kesan ini dijangka meluas (broad-based)** kerana **tarif juga telah dikenakan ke atas hampir setiap rakan dagang dan rakan sumber pelaburan Malaysia.** Sekiranya lebih banyak negara melaksanakan tarif timbal balas, perang perdagangan di seluruh dunia bakal menggugat pertumbuhan ekonomi global.
14. Antara **impak langsung dan tidak langsung** yang lain:
 - a. **Sesetengah eksport Malaysia akan lebih kompetitif dalam pasaran global** berbanding beberapa negara yang dikenakan tarif lebih tinggi dari Malaysia. Kadar 24% boleh dianggap sederhana **berbanding Kemboja (49%), Indonesia (32%), Laos (48%), Myanmar (45%), Thailand (37%), Vietnam (46%), dan China (34%).** Ramai penganalisa berpendapat ini menjadikan Malaysia lebih menarik bagi pengimport dan syarikat A.S. yang mencari input atau barangan perantaraan.
 - b. Dari segi **kesan penggantian atau *substitution effect*, eksport minyak sawit** Malaysia, contohnya, akan menjadi lebih kompetitif. **Permintaan mungkin akan**

beralih ke Malaysia. Minyak sawit juga mungkin lebih kompetitif berbanding minyak sayuran lain.

c. **Impak langsung yang negatif adalah dari segi pengurangan permintaan.** Bila ini berlaku, hasil akan berkurangan dan pekerjaan dalam sektor eksport akan terkesan. Apabila permintaan berkurangan, pelaburan dan perbelanjaan juga akan berkurangan. Kesemua faktor ini akan menyebabkan **penurunan dalam KDNK Malaysia.** Jika pelbagai negara menghadapi situasi yang sama, pertumbuhan global akan melembap.

d. Penurunan permintaan dari AS akibat tarif timbal balas juga boleh mengakibatkan **industri dan pasaran kita berdepan dengan lambakan (*dumping*) barangan import** dari negara lain yang mempunyai lebihan kapasiti. Ini akan **meningkatkan persaingan dengan pengeluar-pengeluar tempatan.**

15. Buat masa ini, beberapa pengecualian melindungi sektor semikonduktor (kategori eksport terbesar Malaysia ke AS). Bahan mineral kritikal, farmaseutikal dan beberapa produk berkaitan tenaga juga dikecualikan. Tetapi **banyak sektor lain akan terjejas - seperti mesin dan peralatan, perabot, getah dan plastik.**
16. Dari **segi pelaburan yang diluluskan, maklumbalas awal dari pelabur asing dan domestik:**

- a. Ada yang menyatakan, buat masa ini, **terlalu awal untuk menilai impak kepada operasi masing-masing** sehingga tarif dilaksanakan pada 9 April.
- b. Beberapa pelabur berkongsi bahawa **rantaian bekalan** mereka akan **terkesan**, terutama dari segi ***contract manufacturing***.
- c. Ada pelabur Malaysia yang sedang **memperlahankan pelan pengembangan perniagaan** masing-masing, dan mula berjimat, sambil **memfokus kepada** **perluasan pasaran di China, India dan ASEAN**.

PENUTUP

- 17. Kerajaan MADANI berazam untuk mengatasi cabaran ini, dan MITI ingin menjemput semua sektor industri, dewan industri dan persatuan untuk bekerjasama dengan kami dalam mencari penyelesaian terbaik untuk negara.
- 18. Walau apapun, saya ingin memberi keyakinan kepada pihak industri dan rakyat bahawa MITI akan berusaha sedaya upaya untuk memastikan agar kepentingan Malaysia sentiasa terpelihara. Yang penting adalah kesejahteraan rakyat dan juga sektor perniagaan/ eksport kita. **[TAMAT]**

TALKING POINTS (ENGLISH)

1. Firstly, I would like to stress that **Malaysia aims to continue being a reliable trading partner, open to trade and investments, while valuing all economic partnerships, including our ties with traditional partners like the US and China.** We are an open, trading economy.
2. **Secondly, the Government categorically denies the claim that Malaysia has imposed a 47% tariff on US imports into Malaysia.** We totally disagree with the basis for calculating this tariff and we sought clarification on it from the US Ambassador and his team this morning. This inaccurate basis for calculation has resulted in Malaysia being imposed a retaliatory tariff of 24%.
3. **Third, we are fully committed to securing a favourable resolution that preserves market access, attracts continued foreign investment, and supports the well-being of Malaysian workers and businesses.** On that note, for now **Malaysia will not take any retaliatory action.**
4. **Fourth,** the Government has announced that the 2025 GDP growth of 4.5 -5.5% will be reviewed. This will be **based on a more comprehensive impact assessment report.** For now, the Government expects economic growth to continue, albeit slower. Our household spending is resilient; the country's domestic investment is strong; tourism revenue is strong. But we will double down on the implementation of national master plans like NIMP.

5. Next, allow me to share the steps that are being and will be taken by the Government, and MITI, in addressing the impact of these tariffs.
6. **Measure #1:** We have **activated the National Geoeconomic Command Centre (NGCC)**. MITI is currently doing a **sectoral impact study**, on key export sectors to the US. These will be presented to the NGCC, which will be meeting soon to consider the findings of the impact study.
7. **Measure #2:** **MITI has set up a Task Force on Managing US Tariffs** - to gather inputs and feedback from key stakeholders. Members will also comprise representatives from the private sectors. This is to minimise the impact of the unilateral US action on our exports and investments. Tomorrow MITI will be meeting representatives of industry chambers and export associations. MITI will also engage with relevant Ministries and agencies such as **MOF, Ministry of Economy, BNM, MATRADE, MIDA, and DOSM**. We will leave no stone unturned in **considering all options** to ensure the well-being of our industries, businesses and people.
8. **Third measure,** **at the ASEAN level, I will chair a Special ASEAN Economic Ministers' Meeting on 10 April 2025**. We will discuss the broader implications of the US tariff measures on regional trade and investment flows; macroeconomic stability; and ASEAN's coordinated response to this tariff issue. Subsequently, the ASEAN Leaders will meet to discuss the ASEAN Member States' way

forward, and to mitigate potential disruptions to regional trade, supply chain networks, and cross-border investments.

9. **Measure #4: Strategic high-level engagement with the US will continue.** We will leverage on the Malaysia-US Trade & Investment Framework Agreement (TIFA). MITI will also consider the establishment of a tech safeguard agreement, to protect our semiconductor and aerospace exports. Sectoral exemptions will be negotiated. This morning, I met with the US Ambassador and his team, and we will continue negotiating with the US.
10. The **fifth measure** is on our own export markets. MATRADE has proactively diversified and expanded Malaysia's export markets to regions such as the Middle East (also through MIHAS), Africa and South America.
11. Efforts at MITI's policy level include increased utilization of our existing FTAs. Other FTA related initiatives are the:
 - a. **Signing of the Comprehensive Economic Partnership Agreement (CEPA) with the UAE** (Jan 14, 2025) - aiming to boost bilateral trade and investment, with projections for a 60% increase in trade volume within 5 years. This CEPA is the first FTA between Malaysia and a member country of the GCC.
 - b. **Resumption of FTA** negotiations with **the EU**.
 - c. **FTA** negotiations with **South Korea**.
 - d. **Upgrading** of the ASEAN Trade in Goods Agreement (**ATIGA**) during Malaysia's Chairmanship year, and other ASEAN FTA upgrades, including with China and India.

e. Negotiations on the Malaysia-European Free Trade Association (EFTA - Iceland, Liechtenstein, Norway dan Switzerland) Economic Partnership Agreement.

12. We are one of the US's largest trading partners in ASEAN, and also one of the major recipients of US-based foreign investment. We must, therefore, acknowledge that there will be mid-to-long-term impact.
13. This **impact will be challenging and broad-based**, mainly because **tariffs have also been levied on almost every other trade and investment partner of Malaysia**. Should many countries retaliate, the global economic fallout of a worldwide trade war will be very serious.
14. The possible **positive** and **negative impact** from the 24% tariffs:
 - a. **Some Malaysian exports will be more competitive in the global market** compared to some countries that are slapped with higher tariffs than Malaysia. The **24% rate is considered moderate** compared to Cambodia (49%), Laos (48%), Vietnam (46%), Myanmar (44%), Thailand (36%), Indonesia (32%), and China (34%). Many analysts opine that **this makes Malaysia more attractive to U.S. importers and companies seeking inputs or intermediate goods**.

b. **Substitution effect**, where Malaysia **will have some gains over palm oil exports**. Palm oil may also have an advantage over other vegetables oils.

c. There will be direct **negative impacts** such as **reduced demand, revenue and impact on employment in export-oriented sectors**. On investment, it may cause **a more conservative spending and investment decision**. In the long run, it may lead to **decrease in Malaysia's GDP**, and **slowdown in global growth**.

d. The decrease in demand from the US due to reciprocal tariffs could also result in our **industries and markets facing dumping of imported goods** from other countries with excess capacity. This will **increase competition with local producers**.

15. **For now, critical sectors (critical mineral, pharmaceuticals, semiconductors, certain energy-related products) are temporarily exempted** from the new tariff measures, although they may be subject to further trade scrutiny or tariff actions in future. Semiconductors is Malaysia's largest export category to the US. But many other sectors will be hit – such as machinery and equipment, furniture, rubber and plastics.

16. In terms of **approved investments**, initial feedback from foreign and domestic investors:

- a. Some have stated that, for now, it is **too early to assess the impact** on their respective operations until the tariffs are implemented on April 9.
- b. Several investors shared that their **supply chains will be affected, especially in terms of contract manufacturing.**
- c. Some Malaysian investors are **slowing down their business expansion plans, and starting to conserve cash**, while focusing on **market expansion in other markets, like China, India and ASEAN.**

CLOSING

- 17. The MADANI government is determined to overcome this challenge, and MITI seeks the cooperation of all industry sectors, industry chambers and associations to work with us on finding the best solution moving forward.
- 18. In any event, I would like to reassure the industry that MITI will do its utmost to ensure that Malaysia's interests are always protected. What is important is the well-being of the people and our business/export sector. **[END]**